

# Rakan kongsi Proton belum diputuskan: PM

BH 9/11/2007

## Kerajaan teliti semua cadangan sebelum buat keputusan terbaik

Oleh Kadir Dikoh dan Mohd Feroz Abu Bakar

**K**ERAJAAN belum membuat sebarang keputusan berhubung pemilihan rakan kongsi strategik Proton Holdings Bhd, sama ada Volkswagen AG dari Jerman atau PSA Peugeot dari Perancis, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan meneliti semua cadangan yang dikemukakan dan akan membuat keputusan yang terbaik untuk kepentingan dan hala tuju masa depan pengeluar kereta nasional itu.

"Kerajaan setakat ini belum memaklumkan kepada sesiapa mengenai apa-apa keputusan. Kerajaan mengkaji semua cadangan dikemukakan,"

katanya di Putrajaya semalam.

Mengenai satu laporan bahawa kerajaan sudah memaklumkan kepada kedua-dua firma automotif Eropah itu bahawa syarikat yang dipilih akan diketahui menjelang Mac tahun

**“Kerajaan setakat ini belum memaklumkan kepada sesiapa mengenai apa-apa keputusan”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

ini, beliau berkata, sebuah jawatankuasa khas yang sudah ditubuhkan akan mengkaji cadangan itu.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, jawatankuasa itu akan memperakukan kepada kerajaan mengenai cadangan yang terbaik untuk Proton Holdings.

Mengenai saranan yang Proton memerlukan rakan kongsi asing dan bukan rakan kongsi tempatan, beliau berkata, jawatankuasa berkenaan sedang menimbangkan cadangan yang berkaitan dan kerajaan tidak mahu memberikan sebarang tekanan.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop November lalu mengesahkan kerajaan sedang berunding dengan VW dan Peugeot dalam usaha mendapatkan rakan kong-

si strategik untuk Proton Holdings.

Selain kedua-dua firma automotif Eropah itu, empat syarikat tempatan, iaitu DRB-Hicom Bhd, Kumpulan Naza, Sime Darby Bhd dan Kumpulan Mofaz juga dilaporkan sudah mengemukakan cadangan kepada kerajaan bagi mengambil alih kepentingan strategik dalam Proton Holdings.

Kerajaan menerusi Khazanah Nasional Bhd memiliki 43 peratus kepentingan ekuiti dalam Proton Holdings.

Sementara itu, Abdullah berkata, banjir yang melanda beberapa negeri sejak Disember lalu hanya memberi kesan minimum kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kelancaran pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).